

Najib, Hishammuddin harap keluarga penumpang MH370 bertenang
Astro Awani
8 Mac, 2014

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak mendoakan kesejahteraan penumpang dan anak kapal pesawat Penerbangan Malaysia MH370 yang **dilaporkan hilang.**

Menerusi akaun Twitternya, Najib berkata beliau telah mengarahkan semua pihak yang berkenaan melakukan usaha yang terbaik bagi mengesan pesawat tersebut.

Sementara itu, Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein meminta semua ahli keluarga penumpang pesawat Penerbangan Malaysia MH370 yang dilapor hilang supaya bertenang.

Hishammuddin berkata ahli keluarga penumpang pesawat berkenaan diharap mendapat maklumat daripada sumber yang sahih.

Menerusi akaun Twitternya, Hishammuddin berkata, pihak beliau akan memaklumkan perkembangan pesawat yang hilang itu dari semasa ke semasa.

“Kami akan terus memberi maklumat. Harap semua berdoa,”katanya.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/najib-hishammuddin-harap-keluarga-penumpang-mh370-bertenang-31469?cp>

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

